

6 Kebanyakan ahli keluarga tidak mampu menghadapi cabaran untuk menjaga warga emas berkenaan kerana terdapat banyak konflik timbul dari segi keperluan emosi dan fizikal yang sukar difahami.

Oleh DIYANA ROSE KAMALLUDEEN

PEATAH lama mengatakan, seorang ibu mampu menjaga sepuluh anak tetapi sepuluh anak belum tentu boleh menjaga ibu yang seorang itu.

Siapa tidak tersentuh hati apabila melihat warga emas yang sudah uzur dibiar begitu sahaja, namun sanggupkah kita menjaga ibu bapa sendiri apabila masanya tiba nanti?

Sedangkan menurut statistik, bilangan warga emas yang menjangkau usia 60-an kini semakin meningkat dan dijangka mencecah angka 2.1 juta orang dua tahun lagi.

Ini bermaksud, menjelang tahun 2020 akan ada kira-kira 3.4 juta warga emas di kalangan rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, kadar kelahiran pula semakin merosot.

Presiden Persatuan Penuaan Sihat Malaysia (Malaysian Healthy Ageing Society (MHAS)), Prof. Dr. Azhar Md. Zain berkata, sekiranya trend ini berlanjutan golongan warga emas akhirnya menghadapi masalah penjagaan oleh anak-anak terutama apabila hilang keupayaan dan memerlukan bantuan untuk menjalani rutin harian.

"Kebanyakan ahli keluarga tidak mampu menghadapi cabaran untuk menjaga warga emas berkenaan kerana terdapat banyak konflik timbul daripada segi keperluan emosi dan fizikal yang sukar difahami."

"Orang gaji yang diupah tidak mempunyai hubungan emosi yang sama sehingga menyebabkan kualiti hidup warga emas itu terus merosot," katanya.

Malangnya, kini masyarakat lebih menumpukan terhadap penjagaan kecantikan dan kesihatan diri sendiri,



Menjaga ibu bapa uzur

walaupun realitinya mereka sepatutnya menumpukan terhadap aspek penjagaan ibu dan bapa yang sudah uzur.

Jelas Dr. Azhar, MHAS menyedari pentingnya pengetahuan dan latihan praktikal untuk para penjaga daripada pelbagai aspek.

Antaranya, membalut luka pembedahan, memantau kesihatan jantung, kadar gula dalam darah, ubat-ubatan, menjaga pesakit angin ahmar, menguruskan kemurungan, kedegilan, kesakitan dan persediaan menghadapi kematian di kalangan warga emas.

"Para penjaga atau ahli keluarga perlu faham bahawa sikap yang betul dan pengetahuan penjagaan warga emas adalah penting untuk memastikan mereka dijaga dengan baik.

"Menjaga warga emas memerlukan kesabaran tinggi kerana mereka

sebenarnya menanggung derita emosi, fizikal dan mental lebih-lebih lagi apabila tidak dapat melihat, mendengar serta tidak mampu menjaga kebersihan diri," ujarnya lagi.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena penganjuran tayangan amal perdana filem *James Bond* terbaru, *Quantum of Solace* di GSC Signature, The Garden, Mid Valley City, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tayangan amal itu bertujuan mengumpul dana bagi menyokong seminar latihan dan bengkel anjuran MHAS dengan kerjasama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun depan.

Seminar berkenaan merupakan bengkel dan ceramah yang membincangkan topik berkaitan isu-perundangan dan kewangan, keperluan pemakanan, perubatan, masalah perubatan lazim, kebersihan, tekanan dan keletihan di kalangan penjaga.

Ahli panel dan penceramah terdiri daripada pakar kardiologi, psikiatri, peguan, fisioterapi, neurologi dan pelatih kejururawatan.

Latihan penjagaan warga emas itu terbuka kepada semua peringkat kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang akan menerangkan bantuan kepada para penjaga bagi tujuan penjagaan paliatif (pesakit tenat) dan fisioterapi.

masyarakat dan akan diadakan di Grand Seasons Avenue, Jalan Pahang Kuala Lumpur dan Kampus Serdang Universiti Putra Malaysia (UPM).

Untuk maklumat lanjut, hubungi
MHAS di talian 03-20955600 atau
kunjungi laman web
www.healthvageing.org.



PROF. Dr. Azhar Md. Zain (tiga dari kiri) pada sidang akhbar di pusat membeli-belah The Gardens, Mid Valley City Kuala Lumpur baru-baru ini.

Gambar SHIDDEQIIN ZON (Pelatih IKBN Peretak)

DISKAUN SELURUH S	
Mempunyai pelbagai jenis untuk pilihan	
Diskaun 5% - 50%	
	Rm 2350
Diskaun 5% Confectionery Showcase	Rm 1880 Rm 1880 Rm 1880
2 Door Display Chiller (Blower System)	
Imported anti-frost heat pipe water cooler	
2 Door Chiller / Freezer (Piping System)	
S/S Worktable	Rm 298
S/S Worktable	Rm 288
S/S Grease Trap System	Rm 290
S/S Food Trolley	Rm 233
Commercial Gas Rice Cooker	Rm 275
Pep Corn Machine	Rm 888
Insect Killer	Rm 185
Waffle Baker	Rm 835
RM 850	Rm 550
Infra Red Electric Baking Oven	Rm 998
S/S Water Boiler - Electrical (W84)	Rm 599
Display ShowCase	
Chest Freezer	
CKE HOLDINGS SDN. BHD. (720019-U)	Karen Ismail
O Fondiah Bayaran Ansuran	ANDREAS EON BANK HSBC RHB BANK
ANDREAS Standard Chartered HSBC	UOB BANK Maybank Malayan Bank
CHERAS Tel:03-9282 3333 03-9284 4441	Lot. No. PT 391, Batu Jalan Cheras, 56100
KLANG Tel:03-3290 1427 03-3290 1428/1429	Lot. 6570 Batu 5/2, 42100 Klang, Selangor
PORT KLANG Tel:03-3373 9866 03-3371 9866	Off Persiaran Raja Muja Muda 134, Lebuh Turf, Tam Kuala Lumpur, 55100
KAJANG Tel:03-8736 6833 03-8734 8233	14, Jalan 14, Cheras 43000 Kajang, Selangor
KEPONG Tel:03-6274 8401 03-6274 8406	39, Jalan Basar, (NEXT TO POLICE S
SETAPAK Tel:03-4022 8632 03-4022 8946	Lot 104, Jalan Gent 53300 Setapak, KL
PUCHONG Tel:03-8071 1162 03-8071 1163	Lot 17 1976, Jalan 1 Bukit Kuchal, 47100
NILAI Tel:06-799 7728	PT 16736, Jalan Penata Industrial Park, 71500 Nil